

## **PERNYATAAN PENTING UNTUK PERSIDANGAN PEMBAURAN HARI PERINGATAN 2025**

**Dalam erti kata yang paling suci dan kudus,  
Bible ialah kisah cinta tentang satu pasangan universal—  
Tuhan dalam Kristus ialah Pengantin Lelaki,  
dan umat yang ditebus Tuhan ialah pengantin perempuan—  
matlamat pemulihan Tuan.**

**Kerja utama Tuan dalam pemulihan  
ialah kerja-Nya yang sebenar bagi mempersiapkan kita  
menjadi pengantin-Nya yang mulia;  
tanpa pengudsonan dari segi disposisi secara berterusan,  
yang dibicarkan dalam Efesus 5:26,  
pengantin perempuan tidak dapat dipersiapkan;  
dengan demikian, Wahi 19:7-9 juga tidak dapat digenapi.**

**Seperti yang digunakan dalam Wasiat Baru,  
perkataan *matang* merujuk kepada  
percayawan menjadi penuh dewasa dan  
disempurnakan dalam hayat Kristus, iaitu hayat yang  
diterima mereka pada masa kelahiruan.**

**Pemulihan Tuan adalah untuk mempersiapkan  
pengantin Kristus; akhirnya kita akan  
dikonform menjadi Sulamit yang ajaib;  
Sulamit sebagai duplikasi Salomo  
ialah lambang yang terbesar dan muktamad  
bagi Yerusalem Baru yang merupakan  
pasangan, pengantin, bagi Kristus.**

**Garis Kasar Mesej untuk Persidangan Pembauran Hari Peringatan  
23-26 Mei 2025**

**SUBJEK AM:  
PERSIAPAN PENGANTIN PEREMPUAN**

Mesej 1

**Pengantin Perempuan—Matlamat Pemulihan Tuan**

Bacaan Bible: Wahi 19:7-9; Yoh. 1:29; 3:29; Kid. 1:2-3; 8:14

- I. Dalam erti kata yang paling suci dan kudus, Bible ialah kisah cinta tentang satu pasangan universal—Tuhan dalam Kristus ialah Pengantin Lelaki, dan umat yang ditebus Tuhan ialah pengantin perempuan—Yoh. 3:29; Mat. 25:6; Wahi 19:7; 21:2; 22:17:**
- A. Dari abad ke abad, Tuhan mempunyai hubungan cinta dengan manusia; Dia mencipta manusia dengan tujuan untuk memperoleh satu pasangan—Kej. 1:26.
  - B. Tuhan ialah yang pengasih, dan Dia mencipta manusia menurut imej-Nya sendiri sebagai seorang yang pengasih; hal ini bermakna bahawa Dia mencipta kita supaya kita mengasihi Dia—Mrk. 12:30; Ef. 3:14-19.
  - C. Seluruh Bible ialah kisah cinta, dan Kidung Agung ialah ringkasan bagi kisah cinta ini—1:2-3; 8:14:
    1. Bible merupakan sebuah buku yang romantik, dan hubungan kita dengan Tuan haruslah semakin romantik.
    2. Jika antara kita dengan Tuan Yesus tidak ada hubungan cinta, maka kita ialah orang Kristian yang agamawi, bukan orang Kristian yang romantik—Kid. 1:2-3.
    3. *Percintaan* ialah ungkapan bagi usaha memikat yang divin; dalam Bible kita melihat bahawa Tuhan sedang mencari kasih kita—2 Kor. 11:2.
    4. Kidung Agung bukan sekadar sebuah kisah cinta malah merupakan kisah cinta yang mengagumkan.
  - D. Apa-apa sahaja yang kita kasih, pada benda itulah segenap hati kita, bahkan seluruh diri kita ditetapkan, diduduki, dan dimiliki—1 Tim. 6:10-11; 2 Tim. 3:2-4; 4:8, 10a; Tit. 1:8:
    1. “Mengasihi Tuhan bermakna meletakkan seluruh diri kita—roh, sukma, dan tubuh, bersama dengan hati, sukma, minda, dan daya (Mrk. 12:30)—secara mutlak pada-Nya, iaitu membernarkan seluruh diri kita diduduki-Nya dan hilang dalam diri-Nya” (nota kaki 3 dalam 1 Kor. 2:9).
    2. Mengasihi Tuan Yesus bererti menghargai-Nya, menujukan diri kita terhadap-Nya, membuka diri kepada-Nya, menikmati-Nya, memberi Dia tempat pertama, bersatu dengan-Nya, berhidupkan-Nya, dan menjadi-Nya—Mat. 26:6-13; 2 Kor. 3:16; Mrk. 12:30; Kol. 1:18; 1 Kor. 6:17; Flp. 1:20-21; *Kidung*, #366, rangkap 2.
- II. Wahi 19:7-9 menyingskapkan Kristus sebagai Pengantin Lelaki:**
- A. Perkahwinan Anak Domba ialah hasil daripada penyempurnaan ekonomi Wasiat Baru Tuhan; ekonomi Wasiat Baru Tuhan adalah untuk memperoleh pengantin perempuan, yakni gereja, untuk Kristus menerusi penebusan judisial-Nya dan melalui penyelamatan organik-Nya dalam hayat divin-Nya—Kej. 2:22; Roma 5:10; Wahi 19:7-9; 21:2, 9-11.
  - B. Pengantin Kristus dalam Wahi 19 terdiri daripada semua pejayeng—ay. 7-9; bd. Kej. 2:22; Mat. 16:18.
  - C. Semua pejayeng akan menjadi Yerusalem Baru sebagai pengantin Kristus selama seribu tahun pada tahap permulaannya yang segar—Wahi 19:7.
  - D. Akhirnya, semua percayawan akan menyertai pejayeng untuk mengkonsumasikan

dan melengkapkan Yerusalem Baru dengan sepenuhnya sebagai isteri Kristus di langit baru dan bumi baru hingga keabadian—21:2, 9-11.

### **III. Pengantin perempuan ialah matlamat pemulihan Tuan—19:7-9:**

A. “Perkahwinan Anak Domba sudah tiba”—ay. 7b:

1. Pada permulaan Injil Yohanes, dia membicarakan Anak Domba dan Pengantin Lelaki, dan dalam Wahi, dia mengatakan bahawa perkahwinan Anak Domba sudah tiba—Yoh. 1:29; 3:29.
2. Selepas majoriti pekudus diraptur (Wahi 14:16; 1 Tes. 4:15-16) dan penghakiman dilaksanakan untuk memberi ganjaran di tempat penghakiman Kristus (Wahi 11:18; 2 Kor. 5:10), peristiwa-peristiwa yang berlaku sejurus selepas itu seharusnya merangkumi perkahwinan Anak Domba (Wahi 19:7b):
  - a. Jika kita diganjari di tempat penghakiman Kristus, kita akan berbahagian dalam jamuan perkahwinan.
  - b. Jika kita tidak diganjari malah tidak diujiluluskan Tuan, kita tidak akan binasa tetapi akan menderitai kerugian seperti yang dihuraikan dalam 1 Korintus 3:15.

B. “Isteri-Nya telah mempersiapkan diri”—Wahi 19:7c:

1. *Isteri-Nya* merujuk kepada gereja (Ef. 5:24-25, 31-32), iaitu pengantin Kristus (Yoh. 3:29).
2. Menurut Wahi 19:8-9, isteri di sini, iaitu pengantin Kristus, hanya terdiri daripada percayawan yang jayeng semasa milenium, manakala pengantin, iaitu isteri, dalam 21:2 terdiri daripada semua pekudus yang diselamatkan itu selepas milenium hingga keabadian.
3. Persiapan pengantin bergantung pada kematangan pejayeng dalam hayat—19:7; Ibr. 6:1; Flp. 3:12-15; Ef. 4:13.
4. Kita perlu mendandan dan mengkonsumasikan Yerusalem Baru sebagai pengantin Kristus dengan Tuhan Bapa sebagai emas, Tuhan Anak sebagai mutiara, dan Tuhan Roh sebagai batu-batu berharga—Wahi 21:2, 19a; 1 Kor. 3:12; Kid. 1:10-11.
5. Pejayeng bukanlah individu yang terpisah, tetapi merupakan pengantin yang korporat.
6. Pejayeng bukan sahaja matang dalam hayat malah dibina bersama menjadi satu pengantin.

C. “Kepadanya diberi agar dia berpakaian linen halus yang terang lagi bersih; kerana linen halus ini ialah keadilbenaran-keadilbenaran pekudus”—Wahi 19:8:

1. *Bersih* merujuk kepada sifat, manakala *terang* merujuk kepada ekspresi.
2. Perkataan Yunani yang diterjemahkan sebagai “keadilbenaran-keadilbenaran” juga boleh diterjemahkan sebagai “perilaku keadilbenaran”.
3. Keadilbenaran-keadilbenaran bukan merujuk kepada keadilbenaran yang kita terima untuk penyelamatan kita—1 Kor. 1:30.
4. Keadilbenaran yang kita terima untuk penyelamatan kita adalah objektif dan membolehkan kita memenuhi tuntutan adilbenar Tuhan, manakala dalam Wahi 19:8 keadilbenaran-keadilbenaran pekudus jayeng adalah subjektif (Flp. 3:9) dan membolehkan mereka memenuhi tuntutan Kristus yang jayeng.
5. Dengan itu, linen halus menunjukkan hayat kita yang jayeng, kehidupan kita yang jayeng; inilah Kristus yang kita hidup keluar daripada diri kita.

D. “Berberkatlah mereka yang dipanggil ke jamuan perkahwinan Anak Domba... Inilah sabda benar Tuhan”—Wahi 19:9:

1. Jamuan perkahwinan Anak Domba ialah jamuan perkahwinan, yakni kingdom seribu tahun, yang merupakan sehari di mata Tuhan, sebagai ganjaran kepada percayawan jayeng—ay. 9; Mat. 22:2, 11-14; 2 Ptr. 3:8.
2. Berberkatlah orang yang dipanggil ke jamuan perkahwinan Kristus; ini akan membawa percayawan jayeng ke dalam kenikmatan milenium—Wahi 19:9.

3. Jamuan perkahwinan Anak Domba dalam Wahi 19:9 ialah jamuan perkahwinan dalam Matius 22:2; inilah ganjaran kepada percayawan jayeng:
  - a. Dipanggil bererti menerima penyelamatan (Roma 1:7; 1 Kor. 1:2; Ef. 4:1), manakala dipilih bererti menerima ganjaran.
  - b. Hanya pejayeng yang akan dipanggil untuk menghadiri jamuan perkahwinan sebagai ganjaran kepada mereka; bukan semua yang diselamatkan yang akan berbahagian dalam jamuan itu.
  - c. Percayawan jayeng yang akan dipanggil ke jamuan perkahwinan Anak Domba juga akan menjadi pengantin Anak Domba—Wahi 19:8-9.

Mesej Dua  
**Pembinaan Pengantin Perempuan**

Bacaan Bible: Kej. 1:26; 2:7-10, 18-25; Wahi 19:7-9; 21:9-11

**I. Pembinaan Tuhan ialah perkara utama dalam seluruh Bible; pengantin Kristus ialah pembinaan Tuhan Tritunggal—“Yehova Tuhan membina tulang rusuk, yang telah diambil-Nya daripada manusia itu, menjadi seorang perempuan lalu membawanya kepada manusia itu”—Kej. 2:22:**

- A. Seluruh Bible boleh disamakan dengan buku panduan pembinaan; wahi berkenaan Taman Eden, yang merupakan permulaan wahi divin dalam Bible, dan wahi berkenaan Yerusalem Baru, yang merupakan pengakhiran wahi divin dalam Bible, saling memantul.
- B. Hal yang diwahikan dalam kedua-dua bahagian Bible ini merupakan pemikiran utama Tuhan, garis utama wahi divin, dan prinsip yang mengawal pentafsiran dan pemahaman terhadap Bible:
  1. Kejadian 1 dan 2 merupakan pelan biru bagi rancangan pembinaan organik Tuhan untuk memperoleh binaan divin-Nya (Ibr. 11:10); Tuhan berhasrat untuk membina Kristus ke dalam konstitusi intrinsik kita supaya seluruh diri kita dikonstitusikan semula dengan Kristus; dengan cara ini, Tuhan dapat memperoleh manusia korporat untuk mengekspresikan Dia dalam imej-Nya dan mewakili Dia dengan autoriti-Nya (Kej. 1:26; 1 Kor. 3:9; Mat. 16:18; 2 Sam. 7:12-14a).
  2. Wahi 21 dan 22 ialah gambar bagi bangunan yang siap, yakni ekspresi korporat Tuhan Tritunggal; Yerusalem Baru ialah pantulan dan penggenapan bagi wahi divin berkenaan Taman Eden.
  3. Kristus akan kembali sebagai Pengantin Lelaki untuk berkahwin dengan pengantin perempuan-Nya yang akan menjadi totaliti pejayeng; pembinaan melalui pejayeng pada zaman ini adalah untuk mengkonsumasikan Yerusalem Baru pada peringkat permulaan dalam zaman kingdom (19:7-9) dan akhirnya untuk mengkonsumasikan Yerusalem Baru dengan penuh di langit baru dan bumi baru (21:2).
  4. Melalui kerja Roh Kudus yang berterusan dari abad ke abad, matlamat ini akan tercapai pada akhir zaman ini; pada masa itu, pengantin perempuan berserta percayawan yang jayeng akan bersiap sedia, dan kingdom Tuhan akan datang—Mat. 26:29; 13:43.
  5. Pengantin korporat, yakni Yerusalem Baru, akan menggenapkan dua aspek tujuan Tuhan (Kej. 1:26); pertama, Yerusalem Baru akan menjadi ekspresi penuh Tuhan yang mempunyai imej penuh Tuhan demi kemuliaan-Nya (Wahi 21:11; bd. 4:3); kedua, Yerusalem Baru ini akan menundukkan musuh, menakluki bumi, dan melaksanakan autoriti Tuhan serta dominion-Nya ke atas seluruh alam semesta (Kej. 1:26; Wahi 22:5; bd. 20:10, 14-15).
- C. Apabila kita sebagai umat Tuhan masuk ke dalam hubungan kasih dengan Tuhan, kita menerima hayat-Nya, seperti Hawa menerima hayat Adam; hayat inilah yang membolehkan kita menjadi satu dengan Tuhan dan menjadikan Dia satu dengan kita—Kej. 2:21-22.

**II. Untuk Tuhan dan umat-Nya menjadi satu, mereka harus saling mengasihi; kasih antara Tuhan dengan umat-Nya yang dibentangkan dalam Bible pada asasnya adalah seperti kasih mesra antara seorang lelaki dengan seorang perempuan—Yoh. 14:21, 23; Yer. 2:2; 31:3:**

- A. Apabila umat Tuhan mengasihi Tuhan dan meluangkan masa untuk bersekutu dengan-Nya dalam sabda-Nya, Tuhan menginfusi mereka dengan elemen divin-Nya agar mereka menjadi satu dengan-Nya sebagai pasangan-Nya, sama seperti-Nya dalam hayat, sifat, dan ekspresi—Mzm. 119:140, 15-16.

- B. Tuhan mengasihi kita dahulu; dengan ini Dia menginfusikan kasih-Nya ke dalam kita dan menjanakan kasih ini dalam kita supaya dengannya kita dapat mengasihi Tuhan dan dikbang-dikbang—1 Yoh. 4:19-21.
  - C. Hayat yang kita terima daripada Tuhan ialah hayat kasih; Kristus menjalani kehidupan yang menghidup keluar Tuhan sebagai kasih di dunia ini, dan kini Dia hayat kita agar kita dapat menjalani kehidupan kasih yang sama di dunia ini dan menjadi serupa dengan-Nya—3:14; 5:1; 2:5-6; 4:17.
  - D. Kasih alamiah kita harus diletakkan di atas salib; satu perbezaan antara kasih Tuhan dengan kasih alamiah kita ialah kasih alamiah kita mudah tersinggung.
  - E. Kita harus menjadi orang yang dilimpahi dan dihanyutkan oleh kasih Kristus; kasih divin haruslah seperti arus deras yang merempuh kita, yang mendesak kita hidup terhadap-Nya di luar kawalan kita sendiri—2 Kor. 5:14.
  - F. Perintah tentang kasih sesama dikbang adalah lama dan juga baru: lama, kerana percayawan sudah memilikinya dari permulaan kehidupan Kristian mereka; baru, kerana dalam gerak-hidup Kristian mereka, perintah ini berulang kali memancarkan cahaya baru serta bersinar dengan pencahayaan baru dan kudrat segar—1 Yoh. 2:7-8; 3:11, 23; bd. Yoh. 13:34.
  - G. Tubuh membina dengan sendiri dalam kasih dengan menjadi pengantin Kristus (Ef. 4:16); roh kita yang dilahirukan, yang diberikan Tuhan kepada kita, ialah roh kasih; kita perlu mempunyai roh kasih yang membara-baru untuk mengatasi kejatuhan gereja hari ini (2 Tim. 1:7).
  - H. “Pengetahuan membuat orang angkuh, tetapi kasih membina orang” (1 Kor. 8:1b; bd. 2 Kor. 3:6); mengasihi satu sama lain ialah tanda bahawa kita kepuanyaan Kristus (Yoh. 13:34-35); suka menjadi yang pertama dalam gereja adalah berlawanan dengan mengasihi semua dikbang (3 Yoh. 9).
  - I. Sebagaimana Tuan Yesus menyerahkan hayat-sukma-Nya agar kita dapat beroleh hayat divin, begitu juga kita perlu kehilangan hayat-sukma kita dan menyangkal diri untuk mengasihi dikbang dan meministerkan hayat kepada mereka semasa mengamalkan kehidupan Tubuh, demi persediaan pengantin Kristus—1 Yoh. 3:16; 4:17 dan nota kaki 5; Yoh. 10:11, 17-18; 15:13; Ef. 4:29—5:2; 2 Kor. 12:15; Roma 12:9-13.
  - J. Kasih ialah jalan yang terunggul untuk kita menjadi apa-apa dan melakukan segala hal demi pembinaan gereja yang merupakan Tubuh Kristus yang organik—1 Kor. 12:31b—13:8a.
- III. Kita perlu melihat apa yang telah dilakukan Tuhan untuk menghasilkan pasangan bagi diri-Nya; Kejadian 2 mewahikan gambar Kristus dan pengantin-Nya melalui tamsil Adam dan Hawa:**
- A. Adam mentamsikan Tuhan dalam Kristus sebagai Suami yang sebenar dan universal, yang mencari seorang isteri untuk diri-Nya—Roma 5:14; bd. Yoh. 3:29; 2 Kor. 11:2; Ef. 5:31-32; Wahi 19:7-9; 21:9-11.
  - B. “Yehova Tuhan bersabda, Tidak baik bagi manusia itu keseorangan; Aku akan menjadikan seorang pembantu untuknya sebagai pasangannya”—Kej. 2:18:
    1. Adam memerlukan seorang isteri mentamsikan dan menggambarkan bahawa Tuhan dalam ekonomi-Nya memerlukan seorang isteri untuk menjadi pasangan-Nya, pelengkap-Nya (lit., padanan-Nya); meskipun Tuhan, Kristus, adalah sempurna secara mutlak dan kekal, namun Dia tidak lengkap tanpa gereja sebagai isteri-Nya.
    2. Tuhan berhasrat untuk memperoleh Adam, yang mentamsikan Kristus, dan Hawa, yang mentamsikan gereja; tujuan-Nya ialah “hendaklah mereka berdominion” (1:26); tujuan-Nya adalah untuk memperoleh Kristus yang jayeng ditambah dengan gereja yang jayeng, iaitu Kristus yang jayeng atas kerja iblis, ditambah dengan gereja yang menggulingkan kerja iblis; Tuhan mahu Kristus dan gereja berdominion (Roma 5:17; 16:20; Ef. 1:22-23).

- C. Daripada tanah, Tuhan membentuk setiap binatang di padang dan setiap burung di langit dan membawa semuanya kepada Adam, “dan manusia itu memberi nama kepada segala ternakan dan kepada burung di langit dan kepada setiap binatang di padang, tetapi bagi Adam, tidak ditemukan seorang pembantu untuk menjadi pasangannya”—Kej. 2:19-20.
- D. Isteri harus sama seperti suami dalam hayat, sifat, dan ekspresi; antara ternakan, burung, dan binatang, Adam tidak menemukan seorang pelengkap bagi dirinya, yang dapat dipadankan dengannya—ay. 23.
- E. Untuk menghasilkan pelengkap bagi diri-Nya, pertama sekali Tuhan menjadi manusia, seperti yang ditamsilkan oleh penciptaan Adam oleh Tuhan—Yoh. 1:14; Roma 5:14.
- F. “Yehova Tuhan menyebabkan manusia itu tidur lena lalu tidurlah dia, dan Dia mengambil satu daripada tulang rusuknya dan menutup daging itu di tempat asal”—Kej. 2:21:
  - 1. Adam tidur lena untuk menghasilkan Hawa menjadi isterinya; hal ini mentamsilkan Kristus mati di atas salib untuk menghasilkan gereja menjadi pasangan-Nya—Ef. 5:25-27.
  - 2. Dalam Bible, tidur bermakna mati—1 Kor. 15:18; 1 Tes. 4:13-16; Yoh. 11:11-14.
  - 3. Kematian Kristus ialah kematian yang membebaskan hayat, menyalurkan hayat, menyebarluaskan hayat, melipatgandakan hayat, dan menghasilkan semula hayat; kematian ini dilambangkan oleh biji gandum yang jatuh ke dalam tanah untuk mati dan bertumbuh agar menghasilkan banyak biji (12:24) bagi membuat roti yang merupakan Tubuh, yakni gereja (1 Kor. 10:17).
  - 4. Menerusi kematian Kristus, hayat divin dalam-Nya dibebaskan, dan menerusi kebangkitan-Nya, hayat divin-Nya yang dibebaskan itu disalurkan ke dalam percayawan-Nya untuk mengkonstitusikan gereja—Luk. 12:49-50; bd. Roma 12:11; Wahi 4:5.
  - 5. Menerusi proses ini, Tuhan dalam Kristus, menggarapkan diri-Nya berserta hayat dan sifat-Nya ke dalam manusia agar manusia dapat menjadi sama seperti Tuhan dalam hayat dan sifat, untuk dipadankan dengan-Nya sebagai pasangan-Nya.
- G. “Dan Yehova Tuhan membina tulang rusuk, yang telah diambil-Nya daripada manusia itu, menjadi seorang perempuan lalu membawanya kepada manusia itu”—Kej. 2:22:
  - 1. Tulang rusuk yang diambil dari rusuk Adam yang dibuka mentamsilkan hayat abadi Kristus yang tidak dapat dipatahkan dan tidak dapat dimusnahkan (Ibr. 7:16; Yoh. 19:32-33, 36; Kel. 12:46; Mzm. 34:20), yang mengalir keluar dari rusuk-Nya yang ditikam (Yoh. 19:34) untuk menyalurkan hayat kepada percayawan-Nya demi menghasilkan dan membina gereja sebagai pasangan-Nya:
    - a. Dari rusuk Kristus mengalirnya darah dan air, tetapi yang keluar dari rusuk Adam hanyalah tulang rusuk, tidak ada darah.
    - b. Hal ini kerana pada masa Adam, penebusan menerusi darah tidak diperlukan kerana tidak adanya dosa; pada masa Kristus “tidur” di atas salib, terdapatnya masalah dosa; oleh itu, darah yang mengalir keluar dari rusuk Kristus adalah untuk penebusan judisial kita.
    - c. Air mengalir menyusuli darah; air ini ialah hayat Tuhan yang mengalir untuk penyelamatan organik kita (Kel. 17:6; 1 Kor. 10:4; Bil. 20:8); hayat yang divin, mengalir, dan tidak tercipta ini ditamsilkan oleh tulang rusuk yang diambil keluar dari rusuk Adam (Roma 5:10).
  - 2. Kejadian 2:22 tidak mengatakan bahawa Hawa dicipta tetapi dia dibina; pembinaan Hawa dengan tulang rusuk yang diambil dari rusuk Adam mentamsilkan pembinaan gereja dengan hayat kebangkitan yang dibebaskan daripada

Kristus menerusi kematian-Nya di atas salib dan disalurkan ke dalam percayawan-Nya dalam kebangkitan-Nya—Yoh. 12:24; 1 Ptr. 1:3.

3. Gereja yang merupakan Hawa sebenar ialah totaliti Kristus dalam semua percayawan-Nya; gereja ialah reproduksi Kristus; selain elemen Kristus, tidak harus ada elemen lain dalam gereja—Kej. 5:2.
- H. Hanya apa yang keluar daripada Kristus berserta hayat kebangkitan-Nya yang dapat menjadi pelengkap-Nya, sebagai pengantin-Nya (1 Kor. 12:12; Ef. 2:6; 5:28-30); gereja ialah produk tulen yang berasal daripada Kristus; gereja adalah “bersifat Kristus”, “bersifat kebangkitan”, dan syurgawi.
- I. Adam dan Hawa, yang menjadi satu, menjalani kehidupan perkahwinan bersama sebagai suami dan isteri (Kej. 2:24-25); ini menggambarkan bahawa dalam Yerusalem Baru, Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi sebagai Suami universal akan menjalani kehidupan perkahwinan dengan manusia yang ditebus, dilahirukan, ditransform, dan dimuliakan sebagai isteri buat selamalamnya (Wahi 22:17a).
- J. Dalam keabadian yang tanpa penghujung, melalui hayat yang divin, abadi, dan teramat mulia, mereka akan menjalani kehidupan yang merupakan pembauran Tuhan dan manusia sebagai satu roh, iaitu kehidupan yang terunggul dan berlimpah dengan berkat dan keriangan.

Mesej Tiga  
**Kematangan Pengantin Perempuan**

Bacaan Bible: Wahi 19:6-9; Yoh. 3:29; Yak. 5:7; Mat. 5:48; Kol. 1:28-29; 3:10-11

- I. Makna bagi perkataan *matang* dalam bahasa Yunani ialah “pada titik penghujung”:**
  - A. Ditransform bererti diubah secara metabolik dalam hayat alamiah kita; menjadi matang bererti dipenuhi hayat divin yang mengubah kita—Ibr. 6:1; Kol. 4:12; Roma 12:2; 2 Ptr. 1:3.
  - B. Peringkat terakhir transformasi ialah kematangan, kepenuhan hayat—ay. 4.
  - C. Percayawan yang matang mengenali dan menjaga Tubuh Kristus, mempunyai perasaan terhadap Tubuh, dan berpusatkan Tubuh—1 Kor. 12:16; 18:19, 21, 24.
- II. Seperti yang digunakan dalam Wasiat Baru, perkataan *matang* merujuk kepada percayawan menjadi penuh dewasa dan disempurnakan dalam hayat Kristus, iaitu hayat yang diterima mereka pada masa kelahiruan—Tit. 3:5; 1 Ptr. 1:3, 23; Mat. 5:48:**
  - A. Kita tidak harus sekali-kali berasa puas dengan diri kita, sebaliknya kita harus mengejar pertumbuhan dan kematangan dalam hayat Kristus—Flp. 3:12, 14.
  - B. Kita perlu terus ke depan, maju kepada kematangan dengan melupakan hal-hal yang ada di belakang dan merentangkan diri ke arah hal-hal yang ada di hadapan, mengejar ke arah kenikmatan dan pemerolehan Kristus yang sepenuhnya supaya kita dapat menikmati Kristus ke tahap tertinggi dalam kingdom milenium—ay. 12-15.
  - C. Prasyarat untuk menjadi matang dalam hayat rohani ialah bertumbuh secara berterusan dalam hayat divin—Ef. 4:15.
  - D. Hasil muktamad bagi pertumbuhan dan kematangan percayawan dalam hayat Kristus ialah manusia penuh dewasa—gereja yang merupakan Tubuh Kristus bertumbuh sehingga menjadi manusia yang matang—ay. 13.
- III. Dalam Surat Yakobus, dia menggunakan gambaran seorang petani menantikan buah yang berharga dari bumi dengan sabar-derita—5:7:**
  - A. Tuan Yesus sebenarnya ialah Petani yang sejati, Petani yang unik—Mat. 13:3.
  - B. Ketika kita menantikan kedatangan Tuan dengan sabar-derita, Dia sebagai Petani yang sejati sedang menantikan kematangan kita dalam hayat dengan sabar, supaya kita menjadi buah sulung dan tuaian di ladang-Nya—Wahi 14:4, 14-15.
  - C. Jika kita berdoa, “Tuan, kembalilah segera,” Tuan mungkin berkata, “Ketika kamu menantikan perkembalian-Ku, Aku sedang menantikan kematangan kamu; hanya kematangan kamu yang dapat mempercepat perkembalian-Ku.”
  - D. Amatlah membantu jika kita menyedari hal ini: Sekiranya kita bersikap serius menantikan perkembalian Tuan, kita perlu bertumbuh dalam hayat sehingga matang.
- IV. Menjadi matang bererti mempunyai Kristus terbentuk sepenuhnya dalam kita; menjadi matang juga bererti kita telah ditransform sepenuhnya menjadi imej-Nya—Gal. 4:19; 2 Kor. 3:18:**
  - A. Sejak kita dilahirukan, Tuan telah bekerja dalam kita supaya kita dapat mempunyai imej-Nya—ay. 18; Roma 8:29.
  - B. Apabila Tuan menggarapkan imej-Nya sepenuhnya ke dalam kita dan Dia juga diekspresikan sepenuhnya menerusi kita, kita akan matang dalam hayat—Ef. 3:16-17.
- V. Kidung Agung bab 3 menunjukkan kepada kita kematangan pencari, dan bab 4 selanjutnya menjelaskan bahawa kematangan sedemikian dicapai melalui penundukan tekad; rahsia kematangan pencari ialah tekadnya telah ditundukkan dan dibangkitkan sepenuhnya—ay. 4:**

- A. Leher menandakan tekad manusia di bawah Tuhan; Tuan melihat ketundukan tekad kita sebagai satu perkara yang paling cantik—ay. 1a, 4.
- B. Jika kita mempunyai tekad yang ditundukkan, tekad kita akan diekspresikan seperti menara Daud yang menyimpan pelbagai jenis senjata:
  - 1. Pertama-tama, tekad kita harus ditundukkan; kemudian barulah tekad kita akan menjadi kuat dalam kebangkitan dan sama seperti menara Daud, yakni gedung senjata untuk peperangan rohani—Ef. 6:10.
  - 2. Senjata untuk peperangan rohani disimpan dalam tekad kita yang ditundukkan dan dibangkitkan—2 Kor. 10:3-5.

**VI. Matlamat ministri Paulus ialah mempersebahkan setiap orang matang, penuh dewasa dalam Kristus demi satu manusia baru—Kol. 1:28-29; 3:10-11:**

- A. Perkataan Yunani yang diterjemahkan sebagai “penuh dewasa” dalam Kolose 1:28 juga boleh diterjemahkan sebagai “sempurna”, “lengkap”, atau “matang”.
- B. Ministri Paulus adalah untuk mendispenkan Kristus ke dalam orang lain supaya mereka dapat menjadi sempurna dan lengkap melalui pematangan mereka dalam Kristus sehingga mencapai kedewasaan penuh.

**VII. Kejadian 37—47 merupakan catatan proses kematangan Yakub:**

- A. Dalam Kejadian 27, kita melihat seorang perampas; dalam bab 37, seorang yang ditransform; dan penghujung bab 47, seorang yang matang.
- B. Tahap terakhir transformasi ialah kematangan, iaitu kepenuhan hayat:
  - 1. Tujuan abadi Tuhan hanya dapat disempurnakan menerusi transformasi dan kematangan kita—1:26; Kol. 1:28; 2:19.
  - 2. Kematangan ialah soal mempunyai hayat divin disalurkan ke dalam kita berulang kali sehingga kita mempunyai kepenuhan hayat—Yoh. 10:10.
- C. Kematangan ialah soal pembesaran kapasiti—Mzm. 4:1:
  - 1. Kematangan dalam hayat ialah jumlah semua disiplin Roh Kudus yang diterima—Ibr. 12:5-11.
  - 2. Orang lain dapat melihat seorang yang telah menjadi matang dalam hayat, tetapi mereka tidak dapat melihat disiplin Roh Kudus yang terkumpul, yang diterimanya secara tersembunyi hari demi hari bertahun-tahun lamanya—2 Kor. 1:8-10; Kej. 47:7, 10.
- D. Tuhan di bawah ketentuan-Nya akan menggunakan orang, benda, dan peristiwa untuk mengosongkan kita daripada segala-gala yang memenuhi kita, dan mengambil pergi setiap benda yang menduduki kita supaya kapasiti kita bertambah untuk dipenuhi Tuhan—Luk. 1:53; Mat. 5:6.
- E. Seumur hidup Yakub mewahikan bahawa segala sesuatu yang berlaku kepada kita berada di bawah ketentuan Tuhan demi transformasi dan kematangan kita; tidak ada satu perkara pun yang berlaku secara kebetulan:
  - 1. Untuk menjadi matang, Yakub mula-mulanya harus menderitai kehilangan Yusuf, buah hatinya—Kej. 37:31-35.
  - 2. Seorang percayawan yang matang telah mempelajari bahawa Tuhan adalah penuh rahmat dan maha mencukupi untuk memenuhi keperluannya dalam setiap jenis situasi—43:11, 13-14; 17:1; Flp. 1:19-21a; 4:11-12; bd. 1 Tim. 6:6-8.
  - 3. Sandaran dan rehatnya sama sekali terletak pada rahmat Tuhan yang maha mencukupi, bukan lagi pada dirinya atau keupayaannya—Roma 9:16.
  - 4. Tanda terbesar bagi kematangan Yakub ialah dia memberkati orang lain—Kej. 47:7, 10; 48:14-16; Ibr. 7:7.

**VIII. Pengantin perempuan yang matang ialah matlamat kehendak dan tujuan Tuhan—Wahi 19:7-9:**

- A. Kesediaan pengantin perempuan korporat bergantung pada kematangan hayat para pejayeng—ay. 7; Ibr. 6:1; Flp. 3:12-15; Ef. 4:13.
- B. Perkahwinan Anak Domba ialah hasil daripada penyempurnaan ekonomi Wasiat

Baru Tuhan; ekonomi Wasiat Baru Tuhan adalah untuk memperoleh pengantin perempuan, yakni gereja, untuk Kristus menerusi penebusan judisial-Nya dan melalui penyelamatan organik-Nya dalam hayat divin-Nya—Kej. 2:22; Roma 5:10; Wahi 19:7-9; 21:2.

- C. Dalam Injil Yohanes, Kristus diwahikan sebagai Anak Domba yang datang menghapuskan dosa dan sebagai Pengantin Lelaki yang datang agar Dia dapat memperoleh pengantin perempuan—3:29.
- D. Matlamat Kristus bukan untuk menyingkirkan dosa, tetapi memperoleh pengantin perempuan:
  - 1. Dalam buku Wahi, kita melihat bahawa Kristus ialah Anak Domba dan Pengantin Lelaki yang akan datang; sebagai Pengantin Lelaki, sudah tentu Dia harus mempunyai perkahwinan—19:7-9.
  - 2. Perkahwinan Anak Domba akan menjadi perkahwinan universal; perkahwinan itu ialah perkahwinan Penebus dengan orang yang ditebus.
  - 3. Kristus datang sebagai Pengantin Lelaki, dan kita pergi sebagai pengantin perempuan.
- E. Perkara yang amat penting ialah kesediaan pengantin perempuan—ay. 7:
  - 1. Menurut Wahi 19:8 dan 9, isteri, pengantin Kristus, di sini hanya terdiri daripada percayawan yang jayeng pada zaman milenium.
  - 2. Kesediaan pengantin perempuan bergantung pada kematangan pejayeng dalam hayat; pejayeng bukanlah individu yang berasingan, sebaliknya pengantin korporat.
  - 3. Dalam Wahi 19:6 suara himpunan besar orang mengisyihar, “Haleluya! Kerana Tuan, Tuhan kita yang Maha Perkasa, sudah meraja”:
    - a. Pemerajaan Tuhan, kingdom, berkaitan dengan perkahwinan Anak Domba.
    - b. Perkahwinan itu akan membawa masuk pemerajaan Tuan, kingdom, kerana semua tetamu yang dipanggil ke perkahwinan itu akan menjadi pengantin korporat dan juga raja bersama-sama Pengantin Lelaki; semua raja bersama-sama-Nya akan menjadi pengantin korporat-Nya.
    - c. Bagi pejayeng, seribu tahun kingdom milenium akan menjadi jamuan perkahwinan.
    - d. Setiap orang yang dijemput ke jamuan perkahwinan juga akan berbagian dalam pemerajaan seribu tahun sebagai raja.
    - e. Bagi pejayeng, meraja bersama dengan Kristus dalam kingdom merupakan jamuan perkahwinan—ay. 9.

Mesej Empat  
**Kecantikan Pengantin Perempuan**

Bacaan Bible: Roma 6:19, 22; Ef. 5:25-27; Wahi 19:7-9; 1 Tes. 5:23; Kid. 8:13-14

**I. Proses pengudusan dari segi disposisi ialah proses penyelamatan organik kita untuk menjadikan kita cantik agar menjadi pengantin Kristus yang cantik, kudus, dan mulia—1 Tes. 4:3a; 1 Ptr. 1:15-16; Ef. 1:4-5; 5:25-27; 1 Tes. 5:23-24; Roma 6:19, 22:**

- A. Efesus 5:25-27 mewahikan keseluruhan penyelamatan lengkap Tuhan dengan membentangkan Kristus dalam tiga tahap kepada kita:
    1. Dahulu, Kristus sebagai Penebus menyerahkan diri-Nya untuk gereja untuk penebusan judisial kita—“Para suami, kasihilah isterimu, bahkan sebagaimana Kristus juga mengasihi gereja dan menyerahkan diri-Nya untuk gereja”—ay. 25.
    2. Sekarang, Kristus sebagai Roh beri-hayat sedang menguduskan gereja dari segi disposisi dengan menepui gereja dengan elemen-Nya supaya dia dapat menjadi pasangan-Nya; inilah penyelamatan organik yang merupakan pencantikan pengantin dan persiapan pengantin—“Supaya Dia dapat menguduskan gereja, dengan membersihkannya melalui pembasuhan air dalam sabda”—ay. 26.
    3. Pada masa akan datang, Kristus sebagai Pengantin Lelaki akan mempersebahkan gereja sebagai pasangan-Nya kepada diri-Nya untuk kepuasan-Nya—“Supaya Dia dapat mempersebahkan kepada diri-Nya gereja yang mulia, tanpa bintik atau kedut atau apa-apa yang sama seperti ini; sebaliknya, supaya gereja dapat menjadi kudus dan tanpa cacat cela”—inilah pemuliaan kita untuk mempersebahkan pengantin perempuan—ay. 27.
    4. Dahulu, Kristus menyerahkan diri-Nya untuk gereja; sekarang, Dia sedang menguduskan gereja; dan pada masa akan datang, Dia akan mempersebahkan gereja sebagai pasangan-Nya kepada diri-Nya untuk kepuasan-Nya; oleh itu, Kristus mengasihi gereja adalah untuk menguduskan gereja, dan Kristus menguduskan gereja adalah untuk mempersebahkan gereja yang mulia kepada diri-Nya.
  - B. Kecantikan pengantin perempuan berasal daripada Kristus yang digarapkan ke dalam gereja dan disinar keluar daripada gereja agar diekspresikan menerusi gereja—Yes. 43:7; Ef. 3:21.
  - C. Kristus ialah mahkota kemuliaan dan diadem kecantikan kepada saki-baki umat-Nya—Yes. 28:5:
    1. Mahkota adalah seperti topi atau serban, manakala diadem ialah cekak kepala yang merupakan bahagian yang tercantik dan termulia pada mahkota—Kel. 28:36-39; 29:6; Yes. 62:3.
    2. Kita perlu terus-menerus menatap keindahan Tuan dalam gereja yang merupakan rumah indah-Nya supaya kita dapat ditransform daripada kemuliaan kepada kemuliaan, dicantikkan oleh Tuan, untuk menjadi pengantin-Nya yang cantik dengan mempunyai Dia menjadi diadem kecantikan kita—2 Kor. 3:18; Wahi 19:7-9; Yes. 28:5; Mzm. 27:4; Yes. 60:1, 7, 9, 13, 19; 62:3; Wahi 21:11.
- II. Kerja utama Tuan dalam pemulihan ialah kerja-Nya yang sebenar bagi mempersiapkan kita menjadi pengantin-Nya yang mulia; tanpa pengudusan dari segi disposisi secara berterusan, yang dibicarakan dalam Efesus 5:26, pengantin perempuan tidak dapat dipersiapkan; dengan demikian, Wahi 19:7-9 juga tidak dapat digenapi:**
- A. Gereja dicantikkan menerusi proses pengudusan, melalui Kristus yang merupakan Roh beri-hayat membersihkan kita melalui pembasuhan air dalam sabda-Nya—Ef. 5:26-27:

1. Hal ini menunjukkan bahawa dalam sabda Kristus terdapat Roh itu yang merupakan air hayat; sabda yang dibicarakan-Nya kepada kita ialah roh dan hayat—Yoh. 6:63.
  2. Sebagai Roh beri-hayat, Kristus ialah Roh yang berbicara; apa-apa yang dibicarakan-Nya ialah sabda yang membasuh kita; ini bukan merujuk kepada *logos*, iaitu sabda sepanjang masa, tetapi *rhema*, yang bermakna sabda ketika itu, yakni sabda yang dibicarakan Tuan kepada kita pada waktu terkini—Mat. 4:4; Yoh. 6:63; Wahi 2:7; 22:17a; bd. Yes. 6:9-10; Mat. 13:14-15; Kis. 28:25-31.
  3. Pembicaraan Kristus ialah Roh itu; pembicaraan-Nya ialah hadirat Roh beri-hayat itu sendiri—Yoh. 6:63; Ef. 6:17.
  4. Kristus yang huni secara dalaman sebagai Roh beri-hayat sentiasa membicarakan sabda yang semasa, terkini, dan hidup, untuk membasuh pergi apa-apa yang lama secara metabolik dan menggantikannya dengan yang baru, dengan itu menghasilkan transformasi dalaman.
- B. Menerusi proses pembasuhan sedemikian, kita ditepui Kristus dan dicantikkan oleh Kristus untuk menjadi pengantin-Nya yang kudus, cantik, serta mengekspresikan Tuhan, yakni pengantin yang tidak ada cacat cela atau ketidaksempurnaan—Wahi 19:7; bd. Kid. 6:13; 8:13-14.
- C. Kristus sebagai Roh beri-hayat menguduskan gereja dengan membersihkan gereja menurut pembasuhan air dalam sabda; menurut konsep divin, *air* di sini merujuk kepada hayat Tuhan yang mengalir, yang ditamsilkan oleh air yang mengalir (Kel. 17:6; 1 Kor. 10:4; Yoh. 7:37-39; Wahi 7:17; 21:6; 22:1, 17); kini kita berada dalam proses pembasuhan ini, agar gereja dapat menjadi kudus dan tanpa cacat cela.
- D. Perkataan Yunani bagi *pembasuhan* dalam Efesus 5:26 secara literal bermakna *bejana pembasuhan*; dalam Wasiat Lama, hentar menggunakan bejana pembasuhan untuk membasuh pergi kecemaran bumiah mereka (Kel. 30:18-21); hari demi hari, pagi dan petang, kita perlu datang kepada Bible dan dibersihkan melalui bejana pembasuhan, yakni air dalam sabda.
- E. Paulus menggunakan perkataan Yunani *rhema* ketika dia berbicara berkenaan sabda serta proses pembasuhannya (Ef. 5:26); *logos* ialah Sabda Tuhan yang tercatat dalam Bible secara objektif; *rhema* ialah sabda Tuhan yang diucapkan kepada kita pada masa yang khusus (Mrk. 14:72; Luk. 1:35-38; 5:5; 24:1-8).
- F. *Rhema* mewahikan sesuatu kepada kita secara peribadi dan secara langsung, menunjukkan kepada kita hal yang perlu kita tanggulangi dan hal yang perlu dibersihkan daripada kita (bejana pembasuhan diperbuat daripada tembaga, merupakan cermin yang dapat memantul dan mendedah—Kel. 38:8); perkara yang penting bagi setiap kita ialah: Adakah Tuhan membicarakan sabda-Nya kepada saya hari ini?
- G. Satu perkara yang sentiasa kita hargai ialah Tuan masih berbicara kepada kita secara peribadi dan secara langsung pada hari ini; pertumbuhan sebenar dalam hayat bergantung pada kita menerima sabda secara langsung daripada Tuhan; hanya pembicaraan-Nya dalam kita yang mempunyai nilai rohani yang sebenar—Ibr. 3:7-11, 15; 4:7; Mzm. 95:7-8.
- H. Butir utama doa kita seharusnya ialah kita mendambakan pembicaraan Tuan; ini membolehkan kita menggenapkan matlamat ekonomi abadi-Nya menurut hasrat hati-Nya untuk memperoleh pengantin perempuan sebagai pasangan-Nya—Wahi 2:7; bd. 1 Sam. 3:1, 21; Amos 3:7.
- I. Dalam erti kata yang sangat praktikal, hadirat Tuan adalah satu dengan pembicaraan-Nya; setiap kali Dia berbicara, kita sedar akan hadirat-Nya dalam kita; pembicaraan Kristus ialah hadirat Roh beri-hayat.
- J. Pembicaraan Kristus yang huni secara dalaman sebagai Roh beri-hayat dalam kita merupakan air yang membersih, yang meletakkan elemen baru ke dalam kita untuk menggantikan elemen lama dalam sifat dan disposisi kita; pembersihan

metabolik ini menyebabkan orang mempunyai perubahan dalaman yang sejati dalam hayat; inilah realiti pengudusan dari segi disposisi dan transformasi.

K. Kita harus dicantikkan oleh Kristus yang merupakan Roh beri-hayat yang berbicara dalam roh kita; menerusi pembicaraan Tuan dalam kita sebagai Roh beri-hayat, kita menjadi gereja-Nya yang mulia—Ef. 5:26-27; Wahi 2:7.

**III. Efesus 5:27 mewahikan bahawa gereja sebagai pengantin Kristus akhirnya akan menjadi gereja yang mulia, yakni gereja yang mengekspresikan Tuhan, “tanpa bintik atau kedut atau apa-apa yang sama seperti ini; sebaliknya, supaya gereja dapat menjadi kudus dan tanpa cacat cela”:**

A. Satu-satunya kecantikan kita merupakan penyinaran keluar Kristus dari dalam kita; apa yang dihargai Kristus dalam kita ialah ekspresi diri-Nya dalam kita—Mzm. 50:2; 2 Kor. 3:15-18; bd. Kel. 28:2:

1. “Matamu akan melihat Raja dalam kecantikan-Nya” (Yes. 33:17a); “Raja akan mendambakan kecantikanmu” (Mzm. 45:11a).

2. “Engkau cantik, kasihku, bagaikan Tirza, / Indah bagaikan Yerusalem, / Dahsyat bagaikan angkatan tentera yang membawa panji-panji”—Kid. 6:4.

B. Pengantin perempuan dipersiapkan bermaksud bahawa dia berpakaian “linen halus yang terang lagi bersih”; linen halus ialah “keadilbenaran-keadilbenaran pekudus” (Wahi 19:8); linen halus ini ialah kecantikan pengantin perempuan.

C. Pada hari perkahwinannya, pengantin lelaki lebih memberi perhatian kepada kecantikan pengantin perempuannya daripada kebolehannya; Tuan Yesus, Tuhan kita, terutamanya memberi perhatian kepada kecantikan diri-Nya diekspresikan menerusi keinsanan kita; kita perlu dicantikkan oleh Kristus setiap hari supaya kita dapat dipersiapkan untuk dipersembahkan kepada Kristus sebagai pengantin perempuan yang dikasihi-Nya.

D. Setiap kali kita meluangkan masa untuk menatap keindahan Tuan dalam sabda-Nya dengan mendoa-baca dan merenungi sabda-Nya (Ef. 6:17-18; Mzm. 119:15), Dia menjadi kecantikan kita, dan kita dicantikkan-Nya untuk menjadi rumah indah-Nya supaya Dia juga dapat dicantikkan (27:4; 2 Kor. 3:18; Yes. 60:7b, 9b, 13b, 19b, 21b).

E. Pembasuhan air dalam sabda dalam Efesus 5:26 terutamanya menanggulangi bintik dan kedut; bintik merujuk kepada sesuatu yang berasal daripada hayat alamiah, dan kedut berkaitan dengan ketuaan; hanya air hayat yang dapat membasuh pergi kecacatan ini secara metabolik melalui transformasi hayat.

F. Menjadi kudus bererti ditepui Kristus dan ditransform oleh Kristus; menjadi tanpa cacat cela bererti tidak berbintik dan tidak berkedut, iaitu tidak mempunyai apa-apa yang berasal daripada hayat alamiah yang kepunyaan manusia lama kita—bd. Kid. 4:7.

G. Gereja juga tidak mempunyai “apa-apa yang sama seperti ini”; ini bermakna bahawa gereja tidak akan ada “kelemahan ini atau itu”; Tuhan akan membawa gereja ke satu tahap, iaitu tidak ada apa-apa yang dapat dikatai berkenaan dalam apa jua aspek—Ef. 5:27.

**IV. Efesus 5:26-27 berpadanan dengan Kidung Agung 8:13-14; kedua-duanya mewahikan bahawa melalui pembicaraan Tuan kepada kita, kita dipersiapkan menjadi pengantin-Nya yang mulia, serta menghasratkan kedatangan kedua-Nya—“O engkau yang tinggal di taman-taman, / Teman-teman aku mendengar suaramu; / Biar aku mendengarnya. / Datanglah segera, kekasihku, / Dan jadilah seperti gazel atau anak rusa jantan / Di atas gunung-gunung rempah”:**

A. Dalam Kidung Agung pencari yang mengasihi Kristus memohon kepada Dia yang tinggal dalam percayawan yang merupakan taman-Nya agar dia juga dapat mendengar suara-Nya sementara teman-temannya mendengar suara-Nya—8:13; bd. 4:13-16; 5:1; 6:2:

1. Ini menunjukkan bahawa semasa kita sebagai pencinta Kristus melakukan kerja untuk Dia yang merupakan Kekasih kita, kita perlu mengekalkan persekutuan kita dengan-Nya, sentiasa mendengar-Nya—Luk. 10:38-42.
  2. Hayat kita bergantung pada sabda Tuan dan kerja kita bergantung pada perintah-Nya (Wahi 2:7; 1 Sam. 3:9-10; bd. Yes. 50:4-5; Kel. 21:6); tanpa sabda Tuan, kita tidak ada wahi, cahaya, atau pengetahuan peribadi tentang Kristus yang merupakan Raja kita (Yes. 6:1, 5), Tuan kita (2 Kor. 5:14-15), Kepala kita (Kol. 2:19), dan Suami kita (2 Kor. 11:2); seumur hidup perca-yawan bergantung sepenuhnya pada pembicaraan Tuan (Ef. 5:26-27).
- B. Sebagai kata penutup Kidung Agung, buku yang puitis ini, pencinta Kristus berdoa agar Kekasihnya akan datang segera dalam kudrat kebangkitan-Nya (gazel dan anak rusa jantan) untuk menubuhkan kingdom-Nya yang manis dan indah (gunung-gunung rempah), yang akan memenuhi seluruh bumi—8:14; Wahi 11:15; Dan. 2:35:
1. Doa sedemikian menggambarkan penyatuan dan persekutuan antara Kristus sebagai Pengantin Lelaki dengan pencinta-Nya sebagai pengantin perempuan dalam kasih pengantin mereka; ini seperti doa Yohanes (seorang pencinta Kristus) yang menjadi kata penutup Kitab Kudus, yang mewahikan ekonomi abadi Tuhan berkenaan Kristus dan gereja dalam kasih divin-Nya—Wahi 22:20.
  2. “Datanglah, Tuan Yesus!” merupakan doa terakhir dalam Bible (ay. 20); seluruh Bible berakhir dengan kedamaan terhadap kedatangan Tuan yang dinyatakan sebagai doa.

## Mesej Lima

### Keadilbenaran Pengantin Perempuan

Bacaan Bible: Wahi 19:7-9; Mat. 5:20; 6:33; 22:2; 2 Kor. 5:21; 1 Yoh 1:7, 9; Wahi 15:3

#### I. Keadilbenaran Tuhan ialah apanya Tuhan dalam tindakan-Nya berkenaan keadilan dan keadilbenaran—Wahi 15:3; Roma 1:16b-17a; Yoh. 3:16; 1 Yoh. 1:9:

- A. Pengalaman kita terhadap Kristus terletak pada asas keadilbenaran Tuhan.
- B. Asas itu ialah keadilbenaran Tuhan, iaitu asas takhta Tuhan yang tidak tergoyah—Mzm. 89:14.

#### II. Terdapat empat aspek bagi definisi keadilbenaran:

- A. Keadilbenaran bererti menjadi betul dengan orang, benda, dan perkara di hadapan Tuhan menurut tuntutan-Nya yang adilbenar dan tegas—Mat. 5:20.
- B. Keadilbenaran ialah ekspresi luaran bagi Kristus yang hidup dalam kita sebagai Roh itu—2 Kor. 3:8-9:
  1. Inilah keadilbenaran sebagai imej Tuhan—Ef. 4:24; Kol. 3:10.
  2. Ministri keadilbenaran ialah ministri imej Tuan—2 Kor. 3:9.
- C. Keadilbenaran ialah perkara kingdom Tuhan—Mat. 6:33; Mzm. 89:14:
  1. Kingdom Tuhan ialah keadilbenaran.
  2. Keadilbenaran berkaitan dengan pemerintahan, pentadbiran, dan pemerajaan Tuhan.
- D. Keadilbenaran ialah perkara kita betul dengan Tuhan dalam apanya kita—2 Kor. 5:21:
  1. Betul dengan Tuhan dalam apanya kita bererti mempunyai diri dalaman yang lut sinar dan jernih seperti kristal, iaitu diri dalaman yang berada dalam minda dan kehendak Tuhan.
  2. Ini berkenaan kita menjadi keadilbenaran Tuhan dalam Kristus—ay. 21.

#### III. Keadilbenaran berkaitan dengan perilaku, jalan, tindakan, dan aktiviti Tuhan secara luaran—Wahi 15:3:

- A. Segala-gala yang dilakukan Tuhan adalah adilbenar—Roma 1:16-17.
- B. Segala apanya Tuhan dalam keadilan dan keadilbenaran-Nya mengkonstitusikan keadilbenaran-Nya.

#### IV. Tuhan adalah adilbenar dalam darah Yesus Anak-Nya—1 Yoh. 1:7, 9:

- A. Tuhan adalah setia dalam sabda-Nya (ay. 10) dan adilbenar dalam darah Yesus Anak-Nya.
- B. Sabda-Nya ialah sabda kebenaran injil-Nya (Ef. 1:13) yang memberitahu kita bahawa Dia akan mengampunkan dosa-dosa kita kerana Kristus (Kis. 10:43); darah Kristus telah memenuhi tuntutan adilbenar-Nya supaya Dia dapat mengampunkan dosa-dosa kita (Mat. 26:28).
- C. Mengampuni kita bererti membebaskan kita daripada kesalahan dosa-dosa kita, manakala membersihkan kita bererti membasuh kita daripada kesan kotoran ketidakadilbenaran kita.

#### V. Keadilbenaran berkaitan dengan kingdom Tuhan—Roma 14:17:

- A. Kehidupan gereja ialah kingdom Tuhan, dan kingdom Tuhan ialah keadilbenaran.
- B. Takhta Tuhan ditubuhkan dengan keadilbenaran sebagai asas—Mzm. 89:14.
- C. Di mana keadilbenaran Tuhan, di situ lah juga kingdom-Nya—Yes. 32:1; Ibr. 1:8-9.
- D. Dalam Wasiat Lama, keadilbenaran sering disamakan erti dengan kingdom.
- E. Di tempat yang ada keadilbenaran, segala sesuatu akan disatukan di bawah satu kepala dengan cara yang wajar; inilah kingdom.

- F. Keadilbenaran mula-mula menghasilkan imej Tuhan, kemudian keadilbenaran menubuhkan kingdom Tuhan:
  - 1. Dalam Roma 8, kita mempunyai keadilbenaran dan imej Tuhan.
  - 2. Dalam Roma 14, kita mempunyai keadilbenaran dan kingdom Tuhan.
  - 3. Imej dan kingdom adalah berdasarkan keadilbenaran.
- G. Mengatakan bahawa keadilbenaran akan huni di langit baru dan bumi baru (2 Ptr. 3:13) bermaksud bahawa segala sesuatu akan menjadi teratur, disatukan di bawah satu kepala, dan dikawal tertib:
  - 1. Segala-galanya akan dikuasai, dikawal, dan berada di bawah pemerintahan yang wajar, kerana takhta Tuhan, kingdom, pentadbiran divin, akan berada di sana.
  - 2. Hasilnya ialah damai sejahtera dan keriangan.

**VI. Dalam Wahi 19:7-8 kita melihat keadilbenaran pengantin perempuan:**

- A. Terdapat dua aspek berkenaan Kristus menjadi keadilbenaran kepada percayawan:
  - 1. Dalam aspek pertama, Kristus menjadi keadilbenaran percayawan supaya mereka dijustifikasi di hadapan Tuhan secara objektif pada masa mereka bertaubat kepada Tuhan dan percaya ke dalam Kristus—Roma 3:24-26; Kis. 13:39; Gal. 3:24b, 27.
  - 2. Dalam aspek kedua, Kristus menjadi keadilbenaran percayawan yang dihidup keluar daripada mereka sebagai manifestasi Tuhan; Tuhan ini merupakan keadilbenaran dalam Kristus yang diberi kepada percayawan supaya mereka dijustifikasi Tuhan secara subjektif—Roma 4:25; 1 Ptr. 2:24a; Yak. 2:24; Mat. 5:20; Wahi 19:8.
  - 3. Sebagai keadilbenaran objektif kita, Kristus ialah Dia yang dalam-Nya kita dijustifikasi Tuhan—Roma 3:24, 28; 4:25; 5:1, 9, 16, 18.
  - 4. Sebagai keadilbenaran subjektif kita, Kristus ialah Dia yang huni dalam kita untuk menjalani sejenis kehidupan bagi kita, iaitu kehidupan yang dapat dijustifikasi Tuhan dan sentiasa diperkenan Tuhan—Mat. 5:6, 20.
- B. Kristus yang dihidup keluar daripada pekudus, sebagai keadilbenaran subjektif mereka, menjadi pakaian jamuan perkahwinan mereka—Wahi 19:8:
  - 1. Keadilbenaran yang kita terima untuk penyelamatan kita adalah objektif dan membolehkan kita memenuhi tuntutan adilbenar Tuhan, manakala keadilbenaran-keadilbenaran pekudus yang jayeng adalah subjektif dan membolehkan mereka memenuhi tuntutan Kristus yang jayeng—1 Kor. 1:30; Flp. 3:9.
  - 2. Pakaian jamuan perkahwinan dalam Matius 22:11-12 menandakan Kristus yang kita hidup keluar dan yang diekspresikan menerusi kita dalam kehidupan harian kita sebagai keadilbenaran kita yang melangkau—5:20; Wahi 3:4-5, 18.
- C. Pengantin Tuan, isteri-Nya, “telah mempersiapkan diri. Dan kepadanya diberi agar dia berpakaian linen halus yang terang lagi bersih; kerana linen halus ini ialah keadilbenaran-keadilbenaran pekudus”—19:7b-8:
  - 1. Wahi 19:8 dengan jelasnya mengaitkan pakaian dengan keadilbenaran.
  - 2. Perkataan *keadilbenaran-keadilbenaran* dalam ayat 8 adalah jamak dan boleh diterjemahkan sebagai “perilaku adilbenar”.
  - 3. Keadilbenaran-keadilbenaran ini bukanlah merujuk kepada Kristus sebagai keadilbenaran kita, yang kita terima untuk penyelamatan kita—1 Kor. 1:30.
  - 4. Linen halus menunjukkan hayat kita yang jayeng, kehidupan kita yang jayeng.
  - 5. Linen halus ialah Kristus yang kita hidup keluar dari dalam kita.
- D. “Berberkatlah mereka [pekudus yang jayeng] yang dipanggil ke jamuan perkahwinan Anak Domba”—Wahi 19:9:

1. Jamuan perkahwinan Anak Domba di sini ialah jamuan perkahwinan dalam Matius 22:2.
2. Dipanggil ke jamuan perkahwinan Kristus adalah berberkat.
3. Percayawan jayeng, yang akan dipanggil ke jamuan perkahwinan Anak Domba, juga akan menjadi pengantin Anak Domba—Wahi 19:7.

Mesej Enam  
**Pengantin Perempuan Ialah Pejuang Korporat**

Bacaan Bible: Ef. 6:10-20

**I. Efesus 6:10-20 mewahikan bahawa pengantin perempuan ialah pejuang korporat yang berperang dengan musuh Tuhan demi kingdom Tuhan:**

- A. Apabila pencinta Kristus yang jayeng itu menjadi satu dengan Tuhan untuk menjadi tempat huni Tuhan, di mata Tuhan, dia cantik bagaikan Tirza dan indah bagaikan Yerusalem; namun bagi musuh, dia dahsyat bagaikan angkatan tentera yang membawa panji-panji—Kid. 6:4:
  1. Panji menunjukkan kesediaan untuk berperang dan juga tanda bahawa kemenangan telah diperoleh; angkatan tentera yang dahsyat menandakan bahawa para pejayeng Tuan menakutkan musuh Tuhan, Syaitan.
  2. Angkatan tentera ini berperang untuk kingdom Tuhan dalam situasi kejatuhan umat Tuhan demi menjadi pejayeng yang menyahut panggilan Tuan (Wahi 2:7, 11, 17, 26; 3:5, 12, 21); akhirnya, para pejayeng akan menjadi pengantin perempuan secara kolektif untuk berkahwin dengan Kristus (19:7-9); selepas perkahwinan mereka, pengantin perempuan ini akan menjadi angkatan tentera yang berperang bersama dengan Kristus, Suaminya, untuk menewaskan Antikristus serta semua pengikutnya (ay. 11-21).
- B. Gereja sebagai pengantin perempuan sebenarnya ialah manusia korporat dalam hasrat Tuhan, yang akan menggenapkan tujuan dari dua aspek, iaitu mengekspresikan Tuhan dan menanggulangi musuh Tuhan—Kej. 1:26.
- C. Bukan sahaja tujuan abadi Tuhan harus digenapkan dan hasrat hati Kristus harus dipuaskan, bahkan musuh Tuhan juga harus ditewaskan; untuk ini, gereja harus menjadi pejuang.
- D. Gerak-hidup kita adalah untuk menggenapkan tujuan Tuhan, kehidupan kita adalah untuk kepuasan Kristus, dan perperangan kita adalah untuk menewaskan musuh Tuhan—Ef. 4:1; 5:2, 8; 6:10-11.

**II. Kesaksian Yesus semasa zaman milenium ialah pengantin Kristus—para pejayeng yang menjadi raja bersama-sama Kristus—Wahi 19:7-9; 20:4, 6:**

- A. Pemulihan Tuan adalah untuk mempersiapkan pengantin Kristus (19:7-9; 21:2); akhirnya kita akan dikonform menjadi Sulamit yang ajaib; Sulamit sebagai duplikasi Salomo ialah lambang yang terbesar dan muktamad bagi Yerusalem Baru yang merupakan pasangan, pengantin, bagi Kristus (Kid. 6:13; Wahi 21:2, 9-10; 22:17a).
- B. Sulamit disamakan dengan tarian dua kem, atau dua angkatan tentera (Ibr. *mahanaim*), di mata Tuhan; selepas Yakub bertemu dengan malaikat Tuhan, iaitu dua angkatan tentera Tuhan, dia menamai tempat itu Mahanaim dan membahagikan isteri, anak, dan harta miliknya menjadi “dua angkatan tentera”—Kid. 6:13; Kej. 32:1-10:
  1. Makna rohani bagi dua angkatan tentera ialah kesaksian yang kuat bahawa kita lebih daripada jayeng, kita “super-jayeng”, menerusi Dia yang mengasihi kita, menurut prinsip Tubuh Kristus—Roma 8:37; 12:5; Ul. 32:30; Pkh. 4:9-12.
  2. Tuhan tidak mahu orang yang kuat dalam diri mereka; Dia hanya mahu orang yang tidak berdaya, yang lebih lemah, yakni perempuan dan anak-anak; orang yang dikira layak menjadi pejayeng ialah orang yang lebih lemah yang bergantung pada Tuan—1 Kor. 1:26-28; 2 Kor. 12:9-10; 13:3-5; Kid. 8:6.
  3. Tuhan memerlukan orang yang bersatu dengan-Nya, orang yang tunduk kepada-Nya, yang dilambangkan oleh rambut yang berkepang (1:11), dan patuh kepada-Nya dengan tekad yang fleksibel, yang dilambangkan oleh leher yang memakai untai permata (ay. 10).

4. Apabila kita mempertimbangkan bagaimana untuk mencapai puncak tertinggi wahi divin, kita tidak harus menaruh keyakinan pada diri kita tetapi bergantung pada Tuan sebagai kasih, kudrat, dan rahmat untuk menjadikan kita wadah rahmat, wadah terhormat, dan wadah kemuliaan—Roma 9:16, 21-23.

**III. Peperangan rohani diperlukan kerana tekad Syaitan berkonflik dengan tekad Tuhan—Ef. 1:5, 9, 11; Mat. 6:10:**

- A. Selain hasrat Tuhan, tekad Tuhan, terdapatnya hasrat kedua, tekad kedua, kerana tekad Syaitan bangkit menentang tekad Tuhan—Yes. 14:12-14.
- B. Semua peperangan berpunca daripada konflik antara tekad Syaitan dengan tekad Tuhan.
- C. Peperangan rohani ialah peperangan antara kingdom Tuhan dengan kingdom Syaitan; untuk kingdom syurga-syurga ditubuhkan, peperangan rohani diperlukan—Mat. 12:26, 28; Wahi 12:11.
- D. Kita bergerak-hidup menurut kebenaran dan melalui kurnia, kita hidup dalam kasih dan cahaya, dan kita berjuang untuk menundukkan tekad Syaitan—Ef. 4:1; 5:2, 8; 6:12.

**IV. Untuk menanggulangi musuh Tuhan, kita perlu diperkudratkan dengan kehebatan kudrat yang membangkitkan Kristus daripada yang mati dan membolehkan Dia duduk dalam kesyurgaan, jauh mengatasi segala roh jahat di udara—ay. 10; 1:19-22:**

- A. Hakikat bahawa kita perlu diperkudratkan dalam Tuan menunjukkan bahawa dalam diri kita, kita tidak dapat berjuang dalam peperangan rohani untuk menentang Syaitan dan kingdom jahatnya; kita hanya dapat berjuang dalam Tuan dan dengan keperkasaan daya-Nya.
- B. Arahan berkenaan hendaklah kita diperkudratkan mengimplikasikan bahawa kita perlu melatih tekad kita; jika kita ingin diperkudratkan demi peperangan rohani, tekad kita haruslah kuat dan terlatih—Kid. 4:4; 7:4.

**V. Peperangan antara gereja dengan Syaitan merupakan pertempuran antara kita, orang yang mengasihi Tuhan dan yang berada dalam gereja-Nya, dengan kuasa jahat dalam kesyurgaan—Ef. 6:12:**

- A. Pemerintah, penguasa, dan pemerintah dunia kegelapan ini ialah malaikat-malaikat yang memberontak; mereka mengikut Syaitan dalam pemberontakannya menentang Tuhan, dan sekarang mereka memerintah dalam kesyurgaan atas bangsa-bangsa di dunia—Kol. 1:13; Dan. 10:20.
- B. Kita perlu menyedari bahawa peperangan kita bukanlah dengan manusia, tetapi dengan roh-roh jahat, yakni kuasa jahat dalam kesyurgaan.

**VI. Peperangan rohani bukan perkara individu; peperangan rohani ialah perkara pengantin Kristus yang merupakan pejuang korporat—Ef. 6:13:**

- A. Gereja ialah pejuang korporat, dan para percayawan sama-sama membentuk pejuang korporat ini; selepas kita dibentuk secara korporat menjadi angkatan tentera, kita dapat berperang dengan musuh Tuhan.
- B. Strategi Tuhan ialah menggunakan gereja sebagai angkatan tentera-Nya untuk berperang dengan musuh; strategi Syaitan pula ialah mengasingkan kita daripada gereja sebagai angkatan tentera Tuhan.
- C. Baju zirah lengkap Tuhan adalah untuk Tubuh, bukan untuk individu; hanya pejuang korporat yang dapat memakai baju zirah lengkap Tuhan.

**VII. Untuk berperang dalam peperangan rohani, kita perlu memakai baju zirah lengkap Tuhan—ay. 11:**

- A. Tuhan dalam Kristus sebagai realiti dalam kehidupan kita ialah tali pinggang yang memperkuat seluruh diri kita untuk peperangan rohani—ay. 14a.
- B. Perisai dada keadilbenaran yang menutupi zimah kita dan melindungi kita daripada tuduhan Syaitan ialah Kristus sebagai keadilbenaran kita—ay. 14b; 1 Kor. 1:30.

- C. Kristus ialah damai sejahtera untuk kita bersatu dengan Tuhan dan dengan para pekudus; damai sejahtera ini ialah asas teguh yang membolehkan kita berdiri menentang musuh—Ef. 2:15; 6:15.
- D. Iktikad ialah perisai terhadap anak panah berapi daripada musuh; Kristus ialah Pengasas dan Penyempurna iktikad sedemikian—ay. 16; Ibr. 12:2.
- E. Topi waja penyelamatan yang menutupi minda kita ialah Kristus yang menyelamat, yang kita alami dalam kehidupan harian kita—Ef. 6:17a; Yoh. 16:33.
- F. Pedang Roh itu, dan Roh itu ialah sabda Tuhan, ialah senjata penyerang kita yang dengannya kita mengerat musuh menjadi cebisan—Ef. 6:17b.
- G. Doa ialah sarana yang unik, amat penting, dan vital untuk kita mengaplikasikan baju zirah lengkap Tuhan, menjadikan setiap butir baju zirah ini tersedia untuk kita secara praktikal—ay. 18.

**VIII. Dengan memakai baju zirah lengkap Tuhan, kita dapat berdiri menentang tipu muslihat iblis, rancangan jahat iblis—ay. 11, 13-14:**

- A. Duduk bersama dengan Kristus bererti berbahagian dalam semua pencapaian-Nya, bergerak-hidup dalam Tubuh-Nya bererti menggenapkan tujuan abadi Tuhan, dan berdiri dalam kudrat-Nya bererti berperang menentang musuh Tuhan—2:6; 4:1; 5:2, 8; 6:11, 13-14.
- B. Semasa berperang menentang musuh, perkara yang paling penting ialah berdiri; setelah melakukan segala-gala, kita perlu berdiri hingga akhir.

**IX. Kita semua perlu melihat bahawa dalam pemulihan Tuan hari ini, kita berada di medan peperangan; kita harus bekerjasama dengan Tuan untuk berperang dengan kuasa Syaitan di udara supaya kita dapat memperoleh Kristus dengan lebih banyak lagi demi pembinaan Tubuh Kristus dan persiapan pengantin Kristus, menukuhkan dan menyebarkan kingdom Tuhan agar Kristus dapat kembali untuk mewarisi bumi.**